PENDAKWA RAYA

lwn.

ABU BAKAR ARIFFIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
FAIZA THAMBY CHIK PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 58-23-87]
19 JULAI 1990

PROSEDUR JENAYAH: *Pengedaran dadah - Akta Dadah Berbahaya 1952 s. 37(da)(i) - Dua versi keterangan saksi pendakwaan - Inferens yang patut diambil - Keraguan mengenai identiti barang kes.*

Tertuduh telah dituduh mengedar dadah berbahaya iaitu heroin sebanyak 17.79 gram di Berek Terup 4C, Pengkalan Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) Kuala Lumpur pada 10 Januari 1987. Terdapat dua versi keterangan saksi pihak pendakwaan. Mengikut versi SP3, tertuduh dikatakan berada di Jalan Sri Amar pada pukul 10.30 malam. Mengikut versi SP7, tertuduh dikatakan berada di pengkalannya di PSP Jalan Gurney kerana bertugas 24 jam di sana. Isu di kes ini ialah yang mesti diikuti apabila terdapat dua versi yang bertentangan.

Diputuskan:

[1] Prinsip yang biasa diterima dalam undang-undang apabila terdapat lebih dari satu inferens daripada suatu keadaan ialah inferens yang patut diambil ialah inferens yang menyebelahi tertuduh.

[2] Mahkamah mendapati telah timbul kekeliruan terhadap 6 peket plastik berkenaan, samada peket-peket itu datangnya dari rampasan yang dibuat oleh pasukan polis di tempat tertuduh. Kekeliruan ini tambah mencengangkan apabila seorang saksi pendakwaan lain mengatakan bahawa 30 peket berkenaan adalah hasil serbuan yang dijalankan di Nanking Hotel.

[3] Mahkamah juga mendapati telah timbul keraguan mengenai identiti barang kes berkenaan, terutama sekali kerana kegagalan pendakwaan menjelaskan dengan terperinci punca 17.79 gram heroin itu dan kegagalan pendakwaan mengemukakan rantaian keterangan yang kemas.

[4] Oleh yang demikian, Mahkamah mendapati pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie*nya terhadap tertuduh disebabkan kesenjangan (gap) yang timbul itu.

[Tertuduh dibebas dan dilepaskan tanpa dipanggil membela diri.]

Kes-kes yang dirujuk:
M.W. Barret v. Public Prosecutor [1982] 2 MLJ 284 di muka surat 287
Tai Chai Keh v. Public Prosecutor [1948-49] MLJ Supp.105 di muka surat 108
Teoh Hoe Chye lwn. Pendakwa Raya [1987] CLJ (Rep) 386

Akta yang dirujuk:
Dangerous Drugs 1952, s. 37(da)(i)

Bagi pihak pendakwa raya - Farah Suhana bt. Datuk Ahmad Sarji, Timbalan Pendakwa Raya
Bagi pihak tertuduh - Humphrey Ball; M/s Humphrey Ball & Co.

PENGHAKIMAN

Faiza Thamby Chik PK:

Dalam kes ini tertuduh Abu Bakar bin Ariffin telah dituduh mengedar dadah berbahaya iaitu heroin seberat 17.79 gram di bereknya, di Berek Terup 4C, Pengkalan Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP), Jalan Gurney di dalam Bandaraya Kuala Lumpur pada 10 Januari, 1987 lebih kurang jam 1.30 pagi.

Secara ringkas fakta kes adalah pada tarikh dan masa yang disebutkan di atas tertuduh telah dikatakan membawa PPP Zakaria b. Abdullah (SP3) dan Insp. Saumi bin Man (SP4) ke bereknya di Berek Terup 4C, Pengkalan PSP, Jalan Gurney di mana tertuduh telah membuka kit boxnya (P21) dengan menggunakan anak kunci yang berada dengannya dan mengeluarkan satu beg plastik "Hanku Jaya" (P5) dan menyerahkannya kepada SP3. SP3 kemudian telah membuka P5 dan di dalamnya didapati satu bungkusan plastik (P12) yang mengandungi 18 peket plastik kecil yang bermeterai ((P13A-R) dan 12 peket plastik kecil yang tidak bermeterai (P17A-L) yang dibalut dengan akhbar Berita Minggu bertarikh 14 Januari 1987 halaman 3,4,13 dan 14(P9). 30 peket plastik kecil (P13A-R dan P17A-L) ini telah dihantar sendiri oleh PPP Mohd Yusop bin Untok (SP6) pegawai penyiasatan kes ini ke Jabatan Kimia Petaling Jaya pada 12 Januari 1987 di mana Woo Kai Hung (SP1) seorang ahli kimia telah memeriksa ketiga-tiga puluh peket itu dan mendapati kesemua 18 peket plastik (P13A-R) itu mengandungi sejumlah 50.66 gram (bersih) "pinkish, brown, granular powdery substance" yang setelah dianalisa didapati mengandungi 11.14 gram heroin dan kesemua 12 peket plastik (P17A-L) itu mengandungi sejumlah 30.35 gram (bersih) "pinkish, brown, granular powdery substance" yang setelah dianalisa didapati mengandungi 6.65 gram heroin.

Dalam kes ini keterangan pihak pendakwaan menzahirkan dua versi mengenai gerak-geri tertuduh pada masa tersebut. Versi pertama ialah SP3 telah melihat dan mengekori tertuduh, Halim bin Baweh dan Shahabuddin bin Abu Hassan pada kira-kira pukul 9.15 malam pada 9 Januari 1987 di lorong belakang Lucky Bar yang terletak di Jalan Tuanku Abdul Rahman dan menangkap tertuduh dan membawanya ke Jalan Sri Amar di mana tertuduh telah disoalsiasat dan di mana juga dikatakan tertuduh membuat pernyataan yang kemudian telah dirakamkan oleh SP3 di atas sekeping kertas pada pukul 11.00-11.30 malam di pejabatnya. Pernyataan itu berbunyi,

> Pada jam 10.30 p.m. 9 Januari 1987 saya bersama-sama D/Kpl. 64011 telah menyoalsiasat Konstabel 46894 Abu Bakar bin Arifin semasa di Jalan Sri Amar, off Jalan Tuanku Abdul Rahman Kuala Lumpur iaitu:
>
> S: Bakar, di manakah engkau simpan heroin tersebut?
>
> J: 30 peket dadah ada dalam simpanan saya dan saya boleh bawa tuan ke tempat itu.
>
> S: Di mana?
>
> D: Saya sorokkan dadah tersebut di satu tempat di dalam semak di Jalan Air Panas.

Sebelum saya mencatitkan perkara ini saya telah menyoal Bakar sekali lagi di pejabat. Dan pada kira-kira pukul 1.00 pagi pada 10 Januari 1987 SP3 telah membawa tertuduh pergi ke Pengkalan PSP, Jalan Gurney di mana mengikut keterangan SP3 lagi tertuduh telah membawanya bersama dengan SP4 pada pukul 1.20 pagi ke berek terup 4C PSP dan di sana tertuduh telah membuka kit boxnya dan mengeluarkan P5 dan menyerahkannya kepada SP3. Dan dalam P5 terdapat berisi 30 peket plastik (P12A-R dan P17A-L) yang disyaki dadah berbahaya.

Barang diingat di sini bahawa sungguhpun terup 4C bertugas "Kecemasan Dua" selama 24 jam di pengkalannya pada masa tersebut ASP Mohamed Mokhtar bin Abdul Majid (SP7) penolong komander yang bertanggungjawab ke atas Terup 4C PSP Jalan Gurney tidak ada menyebut perkara ini dalam keterangan.

Versi kedua pula ialah SP7 telah menyatakan dalam testimoninya bahawa tertuduh adalah salah seorang daripada 64 orang ahli terup 4C PSP yang di bawah jagaannya. SP7 menyatakan bahawa tertuduh adalah bertugas sebagai pemandu lori 3 tan terup 4C PSP. Seterusnya SP7 menyatakan bahawa pada 9 Januari 1987 tugas terupnya ialah "Kecemasan Dua" yang bermakna terupnya dimestikan berada di pengkalannya 24 jam mulai pukul 9.00 pagi hari keesokannya iaitu 10 Januari 1987.

Dapat diperhatikan di sini bahawa terdapat keterangan yang bertentangan langsung di antara kedua-dua saksi penting pihak pendakwaan iaitu SP3 dan SP7 tersebut. Adalah mustahil bagi tertuduh berada di Jalan Sri Amar pada pukul 10.30 malam seperti yang dinyatakan oleh SP3 sedangkan SP7 pula dalam keterangannya pula menyatakan bahawa tertuduh pada masa itu berada di pengkalannya di PSP Jalan Gurney bertugas 24 jam di sana. Dalam suasana yang sedemikian prinsip yang biasa diterima dalam undang-undang apabila terdapat lebih daripada satu inferens daripada sesuatu keadaan inferens yang patut diambil ialah inferens yang menyebelahi tertuduh. (Lihat *M.W. Barret v. Public Prosecutor* [1982] 2 MLJ 284 di muka surat 287). Seperti yang dikatakan oleh Hakim Spenser Wilkinson dalam kes *Tai Chai Keh v. Public Prosecutor* [1948-49] MLJ Supp. 105 di muka surat 108:

> Where there is more than one inference which can reasonably be drawn from a set of facts in a criminal case, we are of opinion that the inference most favourable to the accused should be adopted.

Dapat diperhatikan daripada keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan bahawa satu perkara asas mengenai tuduhan itu telah menarik perhatian saya iaitu suatu sampul-sampul surat bertanda P10 dan P14 telah dihantar ke Jabatan Kimia Petaling Jaya sebanyak dua kali tanpa sebarang penjelasan diberikan mengapa ini telah dilakukan. Pertama kali P10 dan P14 dihantar ke Jabatan Kimia itu ialah pada 13 Januari 1987, SP1 telah menyatakan dalam testimoninya bahawa:

(i) Di dalam P10 ada 18 peket plastik (P13A-R) yang kesemua 18 peket itu mengandungi sejumlah 50.66 gram (bersih) "pinkish, brown, granular/powdery substance" yang setelah dianalisadidapati mengandungi 11.14 gram heroin.

(ii) Di dalam P14 ada 12 peket plastik (17A-L)yang kesemua 12 peket itu mengandungi sejumlah 30.25 gram (bersih) "pinkish,brown, granular/powdery sunbtance" yang setelah dianalisa didapati mengandungi 6.65 gram heroin.

Seterusnya SP1 telah menyatakan lagi bahawa pada 25 Mac 1987. setelah P10 dan P14 dilekatkan dengan pateri meterai Jabatan Kimia Petaling Jaya Satu P10 dan P14 telah diserahkan semula kepada SP6. Pada 22 April 1987, SP1 telah menyatakan dalam testimoninya bahawa P10 dan P14 yang masih lagi berpelekatkan dengan pateri meterai Jabatan Kimia Petaling Jaya Satu telah diserahkan semula kepadanya oleh SP6 untuk pemeriksaan lanjut. Kali ini SP1 telah menyatakan dalam testimoninya bahawa:

(i) Di dalam P10 ada:

(a) Satu peket plastik bertanda F4 hingga F21 859/87 mengandungi 49.39 gram (bersih) "pinkish powdery substance" (P1).

(b) Satu peket plastik bertanda F4 hingga F21 859/87 mengandungi 18 "cut open" peket plastik; masing-masing bertanda F4 hingga F21 (P12).

(ii) Di dalam P14 ada:

(a) Satu peket plastik bertanda F22 dan F33 859/87 mengandungi 29.97 gram (bersih) "pinkish powdery substance" (P15).

(b) Satu peket plastik bertanda F22 hingga F33 859/87 mengandungi 12 "unsealed" peket plastik masing-masing bertanda F22 dan F33 (P16).

Seterusnya SP1 telah menyatakan bahawa setelah dianalisis bahawa di dalam kedua-dua peket plastik (P11 dan P15) dan kedua-dua peket plastik (P12 dan P16) beliau mendapati ianya mengandungi, "the same colouring matter and heroin of light purity" dan 30 peket plastik yang bertanda F4 hingga F33 (P13A-R dan P17A-L) itu "to be similar to one another". Dan pada 25 November 1987, setelah P10 dan P14 dilekatkan dengan pateri meterai Jabatan Kimia Petaling Jaya Satu, P10 dan P14 telah dipulangkan semula kepada SP6.

Dapat diperhatikan di sini bahawa pada penganalisisan yang dibuat pada kali pertama SP1 telah menyatakan P10 mengandungi 11.14 gram heroin daripada 50.66 gram (bersih) "pinkish,brown,granular/powdery substance" dan P14 mengandungi 6.65 gram heroin daripada 30.25 gram (bersih) "pinkish, brown granular/powdery substance". Seterusnya pada penganalisisan yang dibuat pada kali kedua SP1 telah menyatakan P10 mengandungi "the same colouring matter and heroin of light purity" daripada 29.97 gram (bersih) "pinkish powdery substance". Jelas di sini bahawa terdapat kesusutan berat "pinkish, brown granular/ powdery substance" di dalam P10 dan P14 masing-masing telah susut daripada 50.66 gram (bersih) dan 30.25 gram (bersih) kepada 49.39 gram (bersih) dan 29.97 gram (bersih) tanpa menyatakan berat heroin yang terkandung di dalam 49.39 gram (bersih) dan 29.97 gram (bersih) "pinkish powdery substance". Perkara ini hendaklah dipandang berat oleh sebab anggapan (presumption) di bawah s. 37(da)(i) Akta Dadah Berbahaya mentakrifkan bahawa siapa saja yang didapati memiliki seberat 15 gram atau lebih heroin hendaklah dianggap telah mengedar dadah berbahaya sehingga sebaliknya dibuktikan. Dapat diperhatikan di sini bahawa dalam penganalisisan kali pertama SP1 mendapati 17.79 gram heroin daripada sejumlah 80.91 gram (bersih) "pinkish, brown, granular/powdery substance" yang menjadi hal perkara tuduhan yang dikenakan terhadap tertuduh. Dalam penganalisisan kali kedua SP1 tidak menyatakan jumlah berat heroin yang didapatinya daripada sejumlah 79.36 gram (bersih) "pinkish powdery substance", SP1 hanya menyatakan "the same colouring matter and heroin of light purity'. Terdapat penyusutan berat 1.56 gram (bersih) "pinkish powdery substance" tetapi tidak disebutkan samaada berat 17.79 gram heroin itu pun turut tersusut. SP6 pula tidak menjelaskan dalam testimoninya mengapa pemeriksaan lanjut perlu dilakukan ke atas P10 dan P14 yang menyebabkan SP1 perlu menganalisis P10 dan P14 lagi sekali. Oleh hal yang demikian telah berlaku keraguan mengenai berat sebenar heroin yang menjadi hal perkara tuduhan di dalam kes ini.

Saya berpendapat bahawa dalam kes yang berat seperti ini, perlu ditegaskan di sini bahawa ahli kimia seperti SP1 dan pegawai penyiasat kes seperti SP6 tidak boleh memandang ringan terhadap barang kes yang menjadi hal perkara tuduhan sehingga mewujudkan kesenjangan (gap) pada rantaian keterangan yang akan membawa padah kepada kes pendakwa.

Dalam keterangannya, bila diperiksa balas oleh Encik Humphrey Ball peguambela yang bijaksana bagi pihak tertuduh, SP6 telah menyatakan bahawa melalui Shahabuddin dan Kartini, beliau mendapat tahu bahawa pada 7 Januari 1987, jam 8.30 p.m. satu pasukan polis yang

terdiri daripada Insp. Muhairi b Abdul Hamid (I/8922), Konst. 46894 Abu Bakar b. Ariffin dan Konst. 73156 Abdul Razak b. Ahmad telah membuat serbuan ke satu bilik Hotel No.14, Nanking Hotel, Lorong Haji Taib, Kuala Lumpur dan merampas 30 peket heroin serta menangkap seorang lelaki Melayu bernama Shahabuddin b. Abu Hassan K/P No. 4910386 dan oleh itu SP6 telah menjalankan siasatan mengenai perkara itu dan lalu membuat satu laporan polis No. 1293-97/87 yang bertarikh 23 Januari 1987, Encik Humphrey Ball bertanya, "Is it a fact that 30 packets found as reported in Report No. 1293-97/87 are the same 30 packets found as reported in Report No. 164-5/87?" SP6 sambil merujuk kepada laporan polisnya yang bernombor 1293-97/87 menjawab, "Pada pendapat penyiasatan saya, 30 peket yang tercatit dalam Repot No. 164-5/87". Dalam keterangannya, bila diperiksa semula oleh Cik Farah Suhana, Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu, SP6 telah menyatakan bahawa laporan polisnya yang bernombor 1293-87/97 adalah tidak relevan kepada kes yang diperkatakan sekarang dan beliau telah menyiasat mengenai serbuan yang dibuat di bilik Hotel Nanking itu pada 7, 8 dan 9 Januari 1987 dan mendapati tidak ada laporan polis dibuat oleh Insp. Muhairi di daerah Campbell di mana laporan itu sepatutnya mesti dibuat.

Keterangan kes pendakwaan menunjukkan bahawa heroin sejumlah berat 17.79 gram yang menjadi hal perkara tuduhan itu adalah datangnya dari dalam 30 peket plastik yang menjadi barang kes dan ditandai P13A-R dan P17A-L. Dapat diperhatikan juga saksi pendakwa Shahabuddin bin Abu Hassan (SP8) dalam testimoninya telah menyatakan bahawa 6 daripada 30 peket plastik itu dapat dicaminya di Jabatan Kimia Petaling Jaya pada 22 April 1987 oleh sebab cara pemeteraiannya adalah caranya sendiri. Ini dengan sendirinya telah menimbulkan kekeliruan terhadap keenam-enam peket plastik tersebut sama ada peket-peket itu datangnya dari rampasan yang dibuat oleh Insp. Muhairi bin Abdul Hamid dan pasukannya pada 7 Januari 1987 kira-kira pukul 9.00 malam di Hotel Nanking daripada SP8 atau rampasan yang dibuat oleh PPP Zakaria Abdullah (SP3) bersama SP4 pada 10 Januari 1987 kira-kira pukul 1.20 pagi di Berek Terup 4C, Pengkalan PSP Jalan Gurney daripada tertuduh. Kekeliruan mengenai keenam-enam peket plastik ini bertambah mencengangkan apabila seorang lagi saksi pendakwa iaitu PPP Mohd Yusop bin Untok (SP6) pegawai penyiasat kes ini dalam testimoninya bila disoalbalas oleh Encik Humphrey Ball peguambela yang bijaksana bagi tertuduh menyatakan bahawa pada pendapat penyiasatnya, 30 peket yang berada dalam Repot No. 1293-97/87 iaitu laporan pada mengenai serbuan yang dijalankan oleh Insp. Muhairi b. Abdul Hamid dan pasukan polis pada 7 Januari 1987, di bilik Hotel No. 14, Nanking Hotel, Lorong Haji Taib di mana SP8 telah ditangkap adalah 30 peket yang sama seperti yang tercatit dalam Jalan Tun Razak Repot No. 164-5/87 iaitu laporan polis mengenai rampasan yang dijalankan oleh SP3 bersama SP4 pada 10 Januari 1987 kira-kira pukul 1.20 pagi di Berek Terup 4C, Pengkalan PSP Jalan Gurney iaitu tempat tertuduh. Menyedari bahawa 18 peket plastik (P13A-R) dan 12 peket plastik (P17A-L), heroin yang menjadi hal perkara tuduhan itu telah dianalisis lagi sekali tanpa dinyatakan berat heroin yang terkandung di dalamnya oleh SP1 dan oleh itu timbul keraguan mengenainya maka testimoni SP8 dan SP6 menganai P13A-R dan P17A-L ini juga telah menimbulkan keraguan mengenai identiti barang kes itu sendiri iaitu heroin seberat 17.79 gram itu dan kegagalan pihak pendakwa menjelaskan dengan terperinci punca 17.79 gram ini dan kegagalan pihak pendakwa mengemukakan keterangan untuk mewujudkan rantaian keterangan telah membawa padah kepada kesnya. (Lihat *Teoh Hoe Chye lwn. Pendakwa Raya* [1987] CLJ (Rep) 386). Oleh hal yang demikian pihak pendakwa telah gagal membuktikan kes prima facienya disebabkan kesenjangan (gap) yang timbul itu.

Dapat diperhatikan di sini tidak ada keterangan langsung mengenai 30 peket plastik yang dijumpai di dalam kit box tertuduh adalah betul-betul 30 peket plastik yang dijumpai di bilik No. 14, Hotel Nanking yang diakui dipunyai oleh SP8. Daripada keterangan saksi-saksi

pendakwa sendiri terdapat beberapa pertentangan asas testimoni mereka mengenainya. Pegawai menyiasat (SP6) kes ini menyatakan dalam testimoninya bahawa 30 peket plastik itu adalah peket-peket yang sama yang dijumpai di kedua-dua tempat; sedangkan SP8 menyatakan dalam testimoninya pula bahawa Insp. Muhairi bin Abdul Hamid telah mengira di hadapannya peket-peket plastik yang dirampas daripadanya di Hotel Nanking dan mendapatinya berjumlah kesemuanya 27 peket sahaja dan SP8 dalam testimoninya mengesahkan angka 27 ini dan seterusnya menyatakan bahawa beliau hanya dapat "mengecami" 6 daripada 30 peket plastik itu yang terdiri daripada P13A-R dan P17A-L dari cara pemeteraiannya semasa di Jabatan Kimia Petaling Jaya pada 24 April 1987. Oleh hal yang demikian telah timbul kekacauan mengenai jumlah peket plastik yang benar-benar berada di kedua-dua tempat itu iaitu banyak peket plastik yang dijumpai di kit box tertuduh. Adalah menjadi prinsip Mahkamah jenayah, lebih-lebih lagi dalam kes seberat ini barang kes yang menjadi hal perkara tuduhan hendaklah dipastikan dan ditentukan dengan tepat dan bukan main agak-agak sahaja. Ini adalah oleh sebab beban bukti yang terletak di bahu pendakwaan adalah di paras imbangan sehingga tidak ada was-was yang menasabah lagi. Di dalam kes ini jelas terdapat jumlah peket plastik yang menjadi hal perkara tuduhan itu adalah meragukan.

Adalah kewajipan pihak pendakwaan untuk membuktikan tuduhan terhadap tertuduh hingga tidak ada was-was yang menasabah. Bukti sesuatu kes terhadap seseorang tertuduh bergantung bukannya kepada ketiadaan atau kelemahan penjelasan yang diberikan oleh seseorang tertuduh tetapi adalah bersandarkan keterangan positif yang mengesahkan atau mengiyakan kebersalahan seseorang tertuduh yang dikemukakan oleh pihak pendakwa. Beban bukti berada di bahu pihak pendakwa di sepanjang perbicaraan. Sayugia diingat bahawa apabila tertuduh datang ke Mahkamah anggapan ketakbersalahan adalah menyebelahinya dan adalah hak tertuduh untuk dimenafaatkan faedah sebarang keraguan apabila sesuatu keraguan timbul dalam kes pendakwaan seperti yang terjadi di dalam kes ini.

Berdasarkan di atas kesemua perkara yang telah saya sebutkan di atas, maka saya memutuskan bahawa pihak pendakwa telah gagal membuktikan kes *prima facie* pada akhir kes pendakwaan. Dan oleh hal yang demikian saya membebaskan dan melepaskan tertuduh tanpa dipanggil membela diri.

Also found at [1991] 1 CLJ 58